

Krisis makanan global bukan masa cari untung

Oleh MOHD. KHUZAIRI ISMAIL
(WARTAWAN UTUSAN)

UM 15/4/08
M/S 10

Kerajaan perlu menggerakkan jentera pertanian moden dengan lebih agresif dan maksimum, malah usaha itu turut diperluaskan kepada cabang pertanian makanan lain seperti penternakan bagi memastikan bekalan makanan seperti daging dan susu sentiasa mencukupi

RANTAU Asia meskipun merupakan pusat pengeluaran utama makanan dunia terutamanya beras, namun tidak dapat mengelak daripada krisis kekurangan dan harga makanan yang tinggi seperti yang dihadapi Indonesia, Thailand dan Filipina awal tahun ini.

Situasi yang sama mula menular ke Malaysia apabila kerajaan terpaksa menambah stok beras negara bagi menampung kekurangan bahan makanan itu ekoran bekalan yang ada hanya mencukupi bagi tempoh kira-kira tiga bulan sahaja.

Kekurangan bekalan beras di pasaran mungkin tidak begitu dirasai pengguna di negara ini memandangkan ia merupakan barangan kawalan dan tidak boleh dinaikkan harga sesuka hati.

Namun bagi barangan makanan lain seperti tepung dan produk berasaskan jagung, pengguna di negara ini tidak mempunyai pilihan selain terpaksa berdepan dengan kenaikan harga ekoran bekalan yang semakin susut.

Buktinya, harga barangan makanan berasaskan tepung seperti mi naik sehingga 70 sen beberapa minggu lalu dan dalam keadaan seperti ini, rakyat pastinya memerlukan jaminan adakah krisis makanan global ini boleh ditangani kerajaan?

Bagi pensyarah Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Dr. Mohd. Noor Yazid, krisis makanan global yang semakin menghimpit rantau Asia termasuk negara ini merupakan cabaran pertama kerajaan pascapilihan raya umum sekali gus meletakkannya sebagai isu ekonomi dan politik.

Dalam perkiraan sebegini, kerajaan katanya, tidak boleh melihat krisis ter-

sebut dari sudut tekanan ekonomi semata-mata sebaliknya bagaimana ia mampu berperanan memulihkan tsunami politik negara yang masih lagi membara.

Kerajaan ujar beliau, mempunyai pilihan untuk membiarkan rakyat menerima hakikat dan menanggung kenaikan harga barangan disebabkan pengeluaran dunia yang terhad.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan pastinya mengambil peluang ini bagi membuktikan kepada rakyat bahawa ekonomi dan politik negara berada dalam keadaan kuat seterusnya menyerap kenaikan harga barangan makanan itu dalam bentuk pemberian subsidi.

"Apatah lagi selepas pilihan raya lalu yang meletakkan kerajaan dalam situasi genting, krisis makanan global menjadi medan terbaik bagi mengembalikan kepercayaan rakyat seterusnya membuktikan bahawa kerajaan sebenarnya sudah lama mengamalkan prinsip negara berkeadilan," katanya.

Ketika ditanya adakah ekonomi negara mampu bertahan dalam menyerap kenaikan harga barangan makanan, Mohd. Noor berkata, pemberian subsidi bagi mengurangkan beban rakyat tidak akan mengganggu pertumbuhan negara ketika sumber-sumber dalam ekonomi negara bergerak kukuh ketika ini.

Ibarat pelaburan jangka masa panjang, katanya, pemberian subsidi dapat

mengawal kestabilan di kalangan rakyat yang mungkin tertekan ekoran kenaikan harga barang seterusnya meyakinkan dan menarik lebih ramai pelabur asing ke dalam negara.

Namun subsidi bukanlah penyelesaian secara jangka masa panjang sekiranya krisis makanan global berterusan dalam tempoh yang lama.

Justeru dalam situasi seperti itu, kerajaan juga pastinya mengharapakan kebijaksanaan pengguna dalam mengurus keperluan dan kegunaan barangan keperluan sesuai dengan keadaan penawaran yang terhad ketika ini.

Pengguna katanya perlu mengelak pembaziran dan menikmati barangan makanan sekadar keperluan asas bagi memastikan permintaan kepada barangan tersebut kekal stabil pada harga jualan biasa.

Bagaimanapun menurut Pensyarah Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Dr. Nazarudin Zainun, rantau ini termasuk Malaysia agak perlahan dalam memberikan reaksi terhadap amaran krisis makanan global biarpun ia telah dibangkitkan oleh Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB).

Biarpun pentadbiran negara di bawah pemerintahan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berusaha bersungguh-sungguh untuk memperkasakan pertanian, namun ia belum mencapai tahap maksimum.

"Sebagai contoh usaha kerajaan untuk menjadikan negeri Sarawak sebagai negeri jelapang padi kedua selepas Kedah, ia seharusnya digerakkan lebih awal dan proaktif bagi memastikan pengeluaran beras dalam negara tidak terjejas dengan krisis makanan global," katanya.

Mengambil contoh Thailand yang mampu menuai padi sehingga tiga kali semusim, Malaysia ujar Nazarudin, masih tidak mampu menandingi negara tersebut meskipun dalam cuaca dan persekitaran yang tidak jauh berbeza.

Justeru katanya, kerajaan perlu menggerakkan jentera pertanian moden dengan lebih agresif dan maksimum dan usaha itu turut diperluaskan kepada cabang pertanian makanan lain seperti penternakan bagi memastikan bekalan makanan seperti daging dan susu sentiasa mencukupi.

Dari perspektif pengguna pula katanya, krisis makanan global seharusnya mampu menggerakkan usaha bersepadu di kalangan rakyat untuk berbakti kepada tanah dan tidak membiarkan tanah kosong terbiar.

"Tanaman untuk keperluan sendiri seperti sayur-sayuran, jagung dan kekadang sekurang-kurangnya mampu mengurangkan beban pengguna kepada kebergantungan barangan keperluan di pasaran," katanya.

Apa yang dibimbangi dalam situasi krisis makanan global ketika ini juga adalah sikap sesetengah pihak terutamanya pembekal yang cuba memanipulasi pasaran dengan menyorokkan barangan keperluan.

Tindakan itu memberikan tekanan kepada pengguna yang terpaksa membeli barangan keperluan pada harga yang tinggi dan keadaan ini jika dibiarkan berterusan memberikan pembekal kuasa untuk menentukan harga di pasaran.